



REMUK...kereta yang terbabit kemalangan, semalam.

Padah langgar lampu merah

Metro 17/9/12 MS 2.

Dua maut, tiga parah dalam nahas dua kenderaan di lampu isyarat

>>Oleh Asmah Rusman
asmah@hmetro.com.my

Fakta

Kejadian itu disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987

SUNGAI BULOH: Dua maut manakala tiga lagi parah dalam kemalangan di persimpangan lampu isyarat berhampiran Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Jalan Sungai Buloh-Subang, di sini, awal pagi semalam.

Mangsa, T Jeganathan, 22, dan T Kanikanan, 27, adalah penumpang kereta Proton Wira dan mereka maut di tempat kejadian akibat parah di kepala dan badan.

Kejadian jam 3.10 pagi itu dipercayai berlaku apabila Proton Wira dari Sungai Bu-

loh yang dinaiki mangsa membelok ke kanan untuk memasuki persimpangan ste-sen berkenaan sebelum di-rempuh sebuah Proton Waja.

Sumber polis trafik berkata, Proton Waja dari Subang itu tidak sempat mengelak dan merempuh bahagian kiri Proton Wira dinaiki mangsa.

“Akibat rempuhan kuat itu, Proton Waja terbabit berpusing ke arah bertentangan manakala Proton Wira pula terseret beberapa meter,” katanya.

Difahamkan, kejadian itu dipercayai berlaku apabila sebuah daripada kereta terbabit melanggar lampu isyarat merah.

Ketua Turus Trafik Selangor, Deputy Superintendan Azmi Mansor mengesahkan kejadian itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Dalam kejadian berasingan di Kilometer 20 Lebuhraya Karak arah Tol Gombak, seorang penunggang motosikal

maut selepas terbabas.

Mangsa, Raja Mohamad Fahmy Izzudin Raja Zulkifli, 21, yang menerima rawatan di Hospital Selayang disahkan meninggal dunia jam 10 pagi, tiga jam selepas kejadian itu.

Difahamkan, mangsa dalam perjalanan ke tempat kerja di Bandar Sunway menunggang dalam keadaan hujan lebat menyebabkan motosikalnya hilang kawalan dan terbabas.

Polis meminta saksi kejadian tampil ke balai polis berhampiran atau menghubungi Pegawai Penyiasat Trafik, Inspektor Rasha Azrul Shafii di talian 03-6126222/2273.